

13/05/1997

PM tegur akhbar tempatan sekali lagi

GURUN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menegur akhbar tempatan tertentu yang disifatkannya memberi ruangan kepada kritikan tidak berasas pembangkang.

Ditanya sama ada kritiknya terhadap media tempatan beberapa hari lalu menyeluruh atau akhbar tertentu saja, Perdana Menteri merujuk kepada akhbar yang menyiarkan kritikan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang bahawa kerajaan tidak demokratik dan Peguam Negara berat sebelah.

"Jika Peguam Negara berat sebelah, sudah tentu calon Barisan Nasional (BN) tidak akan diheret ke mahkamah dan didapati pemilihan mereka tidak sah. Walaupun calon itu diisytihar tidak bersalah, dia hilang kerusinya. Saya tidak faham logiknya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kilang Beam & Section Perwaja di Kompleks Perwaja Gurun di sini, hari ini.

Menurut Dr Mahathir, kenyataan pemimpin Umno yang menghantar pendapat atau ulasan mereka kepada akhbar itu bagaimanapun tidak disiarkan.

"Mereka (pemimpin Umno) mengadu kepada saya, media tidak menggunakan kenyataan yang dihantar. Mereka kata kecuali jika Perdana Menteri yang membuat kenyataan, media tidak mempedulikan mereka," katanya tanpa menyebut akhbar berkenaan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, media di negara ini tidak menyalahgunakan kebebasan akhbar atau berat sebelah. Menurutnya, beliau hanya kecewa dengan media tempatan dalam sesetengah hal tetapi hampa dengan sikap media asing.

"Kita (kerajaan) mengharapkan keadilan, pertimbangan dan laporan lebih baik, khususnya daripada media asing.

"Media asing membesarkan isu Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, dikenakan denda lebih RM2,000 oleh Mahkamah Tinggi Melaka sebagai muslihat kerajaan, pada hal apabila bapanya, Kit Siang dikenakan denda kurang RM2,000 hanya semata-mata kerana mahkamah mahu memastikan beliau tidak hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen, ia tidak diperbesarkan.

"Mengapa mahkamah perlu berlembut dalam kes Kit Siang. Bagi saya denda yang dikenakan itu satu keputusan politik dan bukan berdasarkan kes," katanya.

(END)